

21 JUL 1999

Razaleigh-wanita

CADANGAN NIK AZIZ MENGHINA WANITA

KOTA BAHARU, 21 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat didakwa mengamalkan diskriminasi dan menghina wanita apabila membuat kenyataan terbaharu berhubung dengan dasar dan kriteria kerajaan negeri membenarkan wanita bekerja.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata kenyataan itu membuktikan Pas ingin membelakangkan peranan wanita di negara ini dan menggalakkan mereka untuk tinggal di rumah tanpa sebarang sumbangan.

"Ini memang menerangkan sikap Pas yang memang tak mahu beri layanan kepada wanita. Dia (Pas) kata dia parti yang memperjuangkan Islam tetapi dia telah membelakangkan apa yang telah diamanahkan oleh pemimpin Islam dahulu.

"Saya tak faham mengapa dia melakukan kesemuanya ini. Mungkin barangkali dia tak boleh mengawal dia punya nafsu, Sebab itu dia nak mengeneipkan wanita," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Nik Aziz pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan dua hari lepas, yang membayangkan kemungkinan mengambil wanita "kurang rupawan" sebagai kakitangan kerajaan negeri sejajar dengan dasar Pas membenarkan wanita bekerja.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan itu sebagai tidak munasabah dan satu penganiayaan terhadap wanita apabila dinafikan hak mencari nafkah hanya kerana dianugerahkan kecantikan oleh Allah.

Menurut Tengku Razaleigh dasar diskriminasi itu hanya akan merugikan Islam dan negara ini bagi jangka panjang apabila cuma sebilangan rakyat sahaja diberi peluang untuk membaiki kehidupan.

"Kita mesti memberi peluang pekerjaan kepada semua pihak termasuk wanita. Tak kita dia cantik atau tak cantik, asalkan dia produktif dan boleh bantu tingkat daya pengeluaran negara, mereka patut dibantu," katanya.

Tengku Razaleigh berkata sebaliknya Umno sentiasa memberi peluang kepada wanita untuk berganding bahu dengan lelaki dalam usaha memajukan diri, rakyat dan negara ini.

"Kita dalam Umno suka beri peluang sama kepada semua pihak, gaji dan pendapatan sama asalkan tak bertentangan dengan Islam," katanya.

Beliau berkata disebabkan itulah Umno mengiktiraf wanita untuk memegang beberapa jawatan utama yang sesuai dengan kemahiran mereka kerana terdapat bidang yang lebih berkesan dibuat oleh wanita.

Menurutnya kenyataan Nik Aziz itu juga tidak wajar dibuat kerana "saya rasa tak boleh dipandang cantik tak cantik, semuanya cantik (kerana) apa yang dijadikan Tuhan semuanya sempurna".

Beliau juga mencabar Pas untuk membuang semua wanita yang sedang bekerja di dalam kerajaan negeri bagi melaksanakan dasar Pas itu.

Terdahulu, Tengku Razaleigh mengadakan pertemuan dengan pemimpin Wanita Umno Kelantan, di sini berhubung dengan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pada pertemuan itu beliau meminta wanita memberikan sumbangan lebih aktif dengan mengadakan ceramah politik secara kelompok serta mengunjungi rumah ke rumah untuk menerangkan peranan Umno dan Barisan Nasional kepada masyarakat dalam usaha memajukan negeri itu.

-- BERNAMA

RAR RI